



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**PERSEPSI DAN PEMAHAMAN MASYARAKAT LUAR BANDAR  
SEMENANJUNG MALAYSIA TERHADAPA GLOBALISASI**

**MOHD SABRI BIN MD. NOR.**

**FEM 2005 7**

**PERSEPSI DAN PEMAHAMAN MASYARAKAT LUAR  
BANDAR SEMENANJUNG MALAYSIA  
TERHADAP GLOBALISASI**

**MOHD SABRI MD NOR**

**MASTER SAINS  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**2005**



**PERSEPSI DAN PEMAHAMAN MASYARAKAT LUAR BANDAR  
SEMENANJUNG MALAYSIA TERHADAP GLOBALISASI**

**oleh**

**MOHD SABRI BIN MD NOR**

**Tesis ini Dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti  
Putra Malaysia, Sebagai Memenuhi Keperluan Untuk  
Ijazah Master Sains**

**Februari 2005**



## **DEDIKASI**

*Teristimewa buat...*

*Mohd Nor Ismail*

*Hasmoh Ab. Rahman*

*Mohd Izamie Mohd Nor*

*Ahmad Shauqi Mohd Nor*

*W. Yah W. Sulaiman*

*Syahida Ahmad &*

*Keluarga...*

*Yang banyak memberikan sokongan bagi menjalankan kajian ini.*

*Sesungguhnya kalian tetap penting dalam hidup ini...*

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

**PERSEPSI DAN PEMAHAMAN MASYARAKAT LUAR BANDAR  
SEMENANJUNG MALAYSIA TERHADAP GLOBALISASI**

**Oleh**

**MOHD SABRI MD NOR**

**Februari 2005**

**Pengerusi: Profesor Jayum A Jawan, PhD**

**Fakulti: Ekologi Manusia**

Globalisasi merupakan istilah yang digunakan untuk menerangkan era abad ke-21. Ia muncul bagi menggambarkan fenomena proses perubahan sejagat yang sedang berlaku dalam kehidupan masyarakat. Proses ini merangkumi semua aspek kehidupan manusia seperti ekonomi, sosio-budaya dan politik. Kemunculannya telah memberi impak yang bersifat positif dan negatif kepada masyarakat termasuklah masyarakat luar bandar Semenanjung Malaysia. Arus perubahan proses globalisasi ini pasti dihadapi oleh masyarakat sama ada dapat diterima atau sebaliknya. Justeru itu, berdasarkan kepada fenomena tersebut, kajian ini dilakukan bagi mengkaji berkenaan dengan pemahaman, persepsi, penerimaan dan impak proses globalisasi terhadap masyarakat luar bandar Semenanjung Malaysia.

Bagi merealisasikan objektif tersebut, sejumlah 605 orang responden yang menetap di kawasan luar bandar Semenanjung Malaysia telah dipilih. Pengumpulan data dilakukan melalui penggunaan borang soal selidik, kaedah pemerhatian dan temubual secara mendalam (*in-depth interview*). Maklumat yang diperolehi daripada borang soal selidik telah dianalisis dengan menggunakan “Statistical Package For The Social Science” (SPSS for windows, version 11.0). Manakala, data dan maklumat yang diperolehi daripada kaedah temubual dan pemerhatian telah digunakan sebagai maklumat tambahan kepada maklumat yang diperolehi melalui borang soal selidik. Hasil kajian pula dipersembahkan dalam bentuk statistik diskriptif iaitu dalam bentuk kekerapan dan peratusan.

Berdasarkan kepada hasil kajian, didapati: (1) pemahaman responden terhadap proses, elemen dan simbol globalisasi adalah baik. Walau bagaimanapun, pemahaman responden terhadap perkembangan semasa yang berkaitan dengan globalisasi didapati majoriti responden tidak mengetahuinya; (2) kebanyakkan responden memberikan persepsi yang positif terhadap proses globalisasi; (3) penerimaan terhadap proses globalisasi di kalangan responden pula agak rendah dan (4) dari segi impak, didapati proses globalisasi kurang memberi impak kepada tingkah laku sosial dalam kehidupan seharian responden. Namun begitu, impak proses globalisasi terhadap hak-hak politik responden didapati begitu ketara.

Abstract of thesis presented to Senat of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Master of Science

**PERCEPTION AND UNDERSTANDING OF GLOBALISATION AMONG  
RURAL SOCIETY IN PENINSULA MALAYSIA**

By

**MOHD SABRI MD NOR**

**February 2005**

**Chairman : Professor Jayum A Jawan, PhD**

**Faculty : Human Ecology**

Globalisation is a convenient catch-phrase to describe the 21<sup>st</sup> century. The phenomenon is frequently used to explain many contemporary changes that are being trusted upon the people in all aspects of life be it economic, socio-cultural and politics. The birth of globalisation has brought about considerable positive and negative impacts on societies around the world and this includes rural society in Malaysia. The changing patterns and trends of globalisation indicate that the process has the capacity to influence people but this depends on their readiness to accept it or otherwise. Thus, based upon the above, this study was conducted to determine the understanding, perception, receptiveness and impact of globalisation process on the rural society in Peninsula Malaysia.

To materialise the above objectives, 605 respondents were selected for this study throughout the rural areas of Peninsula Malaysia. Data was obtained through questionnaires, participation observation and also in-depth interview and subsequently analysed using “Statistical Package of the Social Science” (SPSS Version 11.0). The data obtained from interviews and participation observations were used as additional information to data from the questionnaire. Results were presented in descriptive statistical forms such as percentage and mode.

The study found that: (1) the respondent's understanding of globalisation process, elements and symbols was good. However, they did know the latest development on globalization; (2) most of the respondents had positive perception towards globalisation process; (3) in terms of receptiveness, it was found that the respondents' level of receptiveness is low; and, (4) in terms of impacts, it was found that globalisation has caused minor impacts on the respondents' social behavior. Nevertheless, the process had given a significant impact on the respondents' political rights.

## **PENGHARGAAN**

**Bismillahirrahmanirrahim**

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan taufik dan hidayah-Nya, pengkaji dapat menyempurnakan kajian ini. Tidak mungkin kajian ini dapat disiapkan tanpa kerjasama, penglibatan, dorongan dan sokongan yang padu daripada semua pihak sehingga membolehkan pengkaji memperolehi ijazah Master Sains dalam bidang Falsafah dan Pengajian Ketamadunan. Oleh itu, pada kesempatan ini pengkaji ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam kajian ini.

Penghargaan yang tidak terhingga dan ribuan terima kasih diucapkan kepada Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan iaitu **Profesor Dr. Jayum A Jawan**. Ucapan penghargaan yang tidak terhingga juga ditujukan kepada Dr. Zaid Ahmad, Tuan Haji Ahmad Fauzi bin Haji Morad dan En. Ahmad Tarmizi Talib selaku Ahli Jawatankuasa Penyeliaan di atas nasihat, tunjuk ajar dan bimbingan serta sumbangan idea-idea bernalas yang diberikan sepanjang kerja-kerja menyempurnakan penulisan tesis ini.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada pihak Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, terutama pensyarah-pensyarah dan kakitangan di Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan serta Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan di atas kerjasama, kemudahan dan bantuan yang diberikan kepada pengkaji sepanjang

tempoh pengajian. Tidak dilupakan juga kepada Prof. Madya Dr. Mohammad Agus Mohd Yusoff dari Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia dan pihak Perpustakaan Sultan Abdul Samad, Universiti Putra Malaysia serta Fellow-fellow dari Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa (IKMAS), Universiti Kebangsaan Malaysia terutamanya kepada Profesor Dato' Dr. Abdul Rahman Embong, Prof. Dr. Ragayah Hj. Mat Zin, Prof. Madya Dr. Rashila Ramli, Prof. Madya Dr. Tham Siew Yean dan Prof. Madya Norani Othman yang telah memberikan sumbangan bahan-bahan rujukan.

Penghargaan juga ditujukan kepada Ayah, Ma, Mak, Jebiq, Shauqie dan keluarga tersayang. Minta maaf kerana menyembunyikan pengajian ini daripada kalian semua. Tidak dilupakan kepada rakan-rakan terutamanya Arnold Puyok, Unjan Uban, Agau Jemarang, Norazman, Metra Shahril, Kamal, Dian, Syahida yang sentiasa memberi perangsang dan galakan untuk kejayaan ini.

Akhir sekali, didoakan agar semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam kajian ini diberi ganjaran yang setimpal oleh Allah S.W.T di atas pengorbanan tersebut. Sesungguhnya jasa dan pengorbanan kalian tidak dapat dibalas dengan wang ringgit, sebaliknya hanya Allah S.W.T sahaja yang dapat membalaunya.

# ISI KANDUNGAN

## Muka Surat

<b>DEDIKASI</b>	ii
<b>ABSTRAK</b>	iii
<b>ABSTRACT</b>	v
<b>PENGHARGAAN</b>	vii
<b>PENGESAHAN</b>	ix
<b>PERAKUAN</b>	xi
<b>SENARAI JADUAL</b>	xv
<b>SENARAI RAJAH</b>	xvii
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xviii

## BAB

### 1 PENDAHULUAN

1.1. Pengenalan	1
1.2. Latar Belakang Kajian	1
1.3. Kenyataan Masalah	12
1.4. Kepentingan Kajian	15
1.5. Objektif Kajian	17
1.6. Limitasi Kajian	18
1.7. Kesimpulan	18

### 2 KAJIAN LITERATUR

2.1. Pengenalan	21
2.2. Perspektif Sejarah Proses Globalisasi	21
2.3. Tendensi Memahami Proses Globalisasi	26
2.3.1. “ <i>Hyperglobalists</i> ”	27
2.3.2. “ <i>Skeptis</i> ”	28
2.3.3. “ <i>Transformationalists</i> ”	30
2.4. Impak Proses Globalisasi	34
2.4.1. Impak Proses Globalisasi Terhadap Ekonomi	35
2.4.2. Impak Proses Globalisasi Terhadap Budaya	41
2.4.3. Impak Proses Globalisasi Terhadap Politik	51
2.4.4. Impak Proses Globalisasi Terhadap Teknologi	55
2.5. Tinjauan Ke Atas Kajian Lepas	61
2.6. Kesimpulan	66

### **3 METODOLOGI KAJIAN**

3.1. Pengenalan	69
3.2. Lokasi Kajian	69
3.3. Pemilihan Responden	70
3.4. Pengumpulan Data	74
3.5. Analisis Data	78
3.6. Kesimpulan	78

### **4 LATAR BELAKANG RESPONDEN**

4.1. Pengenalan	80
4.2. Jumlah Responden	80
4.3. Jantina	82
4.4. Umur	82
4.5. Etnik	82
4.6. Status Perkahwinan	84
4.7. Tempat Tinggal	85
4.8. Taraf Pendidikan Tertinggi	85
4.9. Pekerjaan	87
4.10. Jumlah Pendapatan Bulanan Responden	88
4.11. Perhubungan Global	89
4.11.1. Ahli Keluarga Responden yang Berkahwin Dengan Warganegara Asing	89
4.11.2. Ahli Keluarga Responden yang Belajar di Kolej atau Universiti Luar Negara	90
4.11.3. Ahli Keluarga Responden yang Menetap di Luar Negara	91
4.12. Pemilikan Global	93
4.13. Capaian Global	94
4.14. Penguasaan Bahasa Global	95
4.15. Pendedahan Kepada ICT	96
4.16. Kesimpulan	97

### **5 PEMAHAMAN TERHADAP PROSES GLOBALISASI**

5.1. Pengenalan	99
5.2. Pemahaman Terhadap Proses Globalisasi	99
5.3. Pemahaman Terhadap Elemen dan Simbol Globalisasi	101
5.4. Pengetahuan Terhadap Perkembangan Semasa yang Berkaitan Dengan Globalisasi	106
5.5. Kesimpulan	108

## **6 PERSEPSI TERHADAP PROSES GLOBALISASI**

6.1. Pengenalan	110
6.2. Persepsi Terhadap Impak Globalisasi	110
6.3. Persepsi Terhadap ICT	112
6.4. Kesimpulan	116

## **7 PENERIMAAN TERHADAP PROSES GLOBALISASI**

7.1. Pengenalan	117
7.2. Penerimaan Terhadap Proses Globalisasi	117
7.3. Kesimpulan	123

## **8 IMPAK PROSES GLOBALISASI**

8.1. Pengenalan	124
8.2. Impak Proses Globalisasi Terhadap Tingkah Laku Sosial	124
8.3. Impak Proses Globalisasi Terhadap Hak-hak Politik	128
8.4. Kesimpulan	134

## **9 KESIMPULAN**

9.1. Pengenalan	135
9.2. Kesimpulan	135
9.3. Cadangan	147
9.3.1. Cadangan Untuk Kajian Akan Datang	153

<b>BIBLIOGRAFI</b>	154
<b>LAMPIRAN/APPENDIX</b>	160
<b>BIODATA PENULIS</b>	177

## **SENARAI JADUAL**

<b>Jadual</b>	<b>Muka Surat</b>
1 Pelanggan Internet Mengikut Negeri di Semenanjung Malaysia Pada Tahun 2000	58
2 Petunjuk ICT Terpilih di Semenanjung Malaysia Pada Tahun 1995 dan 2000	60
3 Jumlah Penduduk Keseluruhan, Jumlah Penduduk Luar Bandar dan Peratusannya Berdasarkan Negeri-negeri di Malaysia Pada Tahun 2000	71
4 Bilangan Responden Mengikut Negeri/Kawasan	73
5 Taburan Responden Mengikut Latar Belakang	81
5 Taburan Responden Mengikut Latar Belakang (samb.)	87
6 Taburan Responden yang Ahli Keluarganya Berkahwin Dengan Warganegara Asing	89
7 Negara yang Terlibat	90
8 Taburan Responden yang Ahli Keluarganya Belajar di Kolej/Universiti Luar Negara	91
9 Negara yang Terlibat	91
10 Taburan Responden yang Ahli Keluarganya Menetap di Luar Negara	92
11 Negara yang Terlibat	92
12 Taburan Responden Berdasarkan Pemilikan Global	93
13 Taburan Responden Berdasarkan Capaian Global	95
14 Taburan Responden Berdasarkan Tahap Penguasaan Bahasa Inggeris	95
15 Taburan Responden Berdasarkan Pendedahan Kepada ICT	96

16	Taburan Responden Berdasarkan Pemahaman Terhadap Proses Globalisasi	100
17	Taburan Responden Berdasarkan Pemahaman Terhadap Elemen dan Simbol Globalisasi	102
18	Taburan Responden Berdasarkan Pengetahuan Terhadap Perkembangan Semasa yang Berkaitan Dengan Globalisasi	107
19	Taburan Responden Berdasarkan Persepsi Terhadap Impak Globalisasi	111
20	Taburan Responden Berdasarkan Persepsi Terhadap ICT	114
21	Taburan Responden Berdasarkan Penerimaan Terhadap Proses Globalisasi	118
22	Taburan Responden Berdasarkan Impak Globalisasi Terhadap Tingkah Laku Sosial	125
23	Taburan Responden Berdasarkan Impak Globalisasi Terhadap Hak-hak Politik	129

## **SENARAI RAJAH**

<b>Rajah</b>	<b>Muka Surat</b>
1 Perubahan Dalam Tamadun Manusia	6

## **SENARAI SINGKATAN**

AS	Amerika Syarikat
ASEAN	Association of South East Asian Nations / Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara
ASTRO	All Asia Satellite Television and Radio Services
ATM	Automatic Teller Machine / Mesin Juruwang Automatik
BBC	British Broadcasting Corporation
BNM	Bank Negara Malaysia
CAKE	Persatuan Pengguna Kedah
CAM	Persatuan Pengguna Melaka
CAP	Persatuan Pengguna Pulau Pinang
CAS	Persatuan Pengguna Sarawak
CANS	Persatuan Pengguna Negeri Sembilan
CNN	Cable News Network
DEB	Dasar Ekonomi Baru
DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
DUN	Dewan Undangan Negeri
E-mel	Mail Elektronik
<i>et al.</i>	Rujukan yang pengarangnya tiga orang atau lebih
FDI	Foreign Direct Investment / Pelaburan Langsung Asing
FELCRA	Federal Land Consolidation and Rehabilitation Authority / Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan
FELDA	Federal Land Development Authority / Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan
FOMCA	Gabungan Persatuan Pengguna-pengguna Malaysia
Hlm	Halaman

<i>Ibid</i>	Rujukan yang sama
ICT	Information Technology and Communication / Teknologi Maklumat dan Komunikasi
IDD	International Direct Dail / Dail Terus Antarabangsa
IMF	International Monetary Fund / Tabung Kewangan Antarabangsa
IPT	Institusi Pengajian Tinggi
IT	Information Technology / Teknologi Maklumat
JCA	Johor Consumer Association / Persatuan Pengguna Johor
Jld	Jilid
JPA	Jabatan Perkhidmatan Awam
KDNK	Keluaran Dalam Negara Kasar
KETENGAH	Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah
KFC	Kentucky Fried Chicken
KLIA	Kuala Lumpur International Airport / Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur
KPDNHEP	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna
MARA	Majlis Amanah Rakyat
MNC	Multinational Corporation / Perbadanan Multinasional
MSC	Multimedia Super Corridor / Koridor Raya Multimedia
NAM	Non-Aligned Movement / Gerakan Negara-negara Berkecuali
NGO	Non Government Organization / Pertubuhan Bukan Kerajaan
PAC	Persatuan Pengguna Pahang
PBB	Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu
PCA	Perak Consumer Association / Persatuan Pengguna Perak
RM	Ringgit Malaysia

SAID	South Africa International Dialogue / Dialog Antarabangsa Afrika Selatan
SCA	Selangor Consumer Association / Persatuan Pengguna Selangor
SKMM	Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
SPR	Suruhanjaya Pilihan Raya
SPSS	Statistical Package For The Social Science
STPM	Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia
TV	Televisyen
UMNO	United Malays National Organisation / Parti Kebangsaan Melayu Bersatu
WTO	World Trade Organization / Pertubuhan Perdagangan Antarabangsa
2PTR	Persatuan Pengguna Negeri Terengganu
4WD	Pacuan Empat Roda

## **BAB I**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1. Pengenalan**

Secara amnya, bab ini menguraikan mengenai latar belakang kajian dengan fokus perbincangan tertumpu kepada konsep globalisasi dan luar bandar. Selain itu, bab ini juga turut memuatkan kupasan berkenaan dengan kenyataan masalah, kepentingan, objektif dan limitasi kajian serta kesimpulan.

#### **1.2. Latar Belakang Kajian**

Sejak mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, Malaysia telah berada dalam era pembangunan. Dalam era pembangunan tersebut, Malaysia sentiasa terdedah kepada pelbagai pengaruh dalaman dan luaran. Pengaruh tersebut amat mencabar dan sukar dikawal lebih-lebih lagi pada penghujung abad ke-20. Salah satu pengaruh dan cabaran yang didatangkan dari luar ialah “globalisasi” yang secara umumnya merupakan satu fasa dalam proses pembangunan.

“Globalisasi” berasal daripada perkataan Inggeris iaitu “*globalization*”. Beberapa istilah mengiringi fenomena ini seperti “perkampungan global”, “dunia tanpa sempadan”, “langit terbuka”,

“pupusnya organisasi negara”, “deregulasi”, “liberalisasi” dan sebagainya. Walaupun pelbagai istilah diketengahkan untuk mendefinisikan globalisasi, namun bagi Abdul Rahman Embong (2000), perkataan globalisasi merujuk kepada “persejagatan” yakni difahami sebagai “dunia tanpa sempadan” atau “desa sejagat”.

Sebelum tahun 1980-an, perkataan modenisasi begitu sinonim dengan konsep pembangunan. Tetapi, selepas tahun tersebut perkataan globalisasi pula sering digunakan. Walaupun perkataan globalisasi itu sendiri tidak mempunyai satu makna yang jelas dan jitu kerana ia telah digunakan untuk menghuraikan pelbagai proses, namun ia bukanlah satu istilah kosong tanpa sebarang pengertian. Ia juga tidak diwujudkan semata-mata untuk meningkatkan kegusaran dan kebimbangan masyarakat di dunia tentang kehidupan pada masa kini. Sebaliknya fenomena globalisasi boleh dikiaskan sebagai gelombang yang melanda dunia yang penuh dengan persoalan dan cabaran.

Dalam kajian ini, perkataan globalisasi digunakan untuk memberi makna kepada fenomena yang wujud pada masa kini akibat daripada perubahan pesat yang merangkumi semua aspek kehidupan manusia. Keadaan ini memandangkan dunia telah berubah kepada satu susunan ekonomi, politik, budaya dan teknologi baru. Perubahan yang berlaku didapati telah meliputi skop yang lebih luas dan agak pantas. Lantaran itu, ia telah menyebabkan

masyarakat di dunia terutamanya di negara-negara membangun terpinga-pinga untuk menggarapnya. Akibat daripada perubahan yang pesat juga, masyarakat tidak lagi boleh mangasingkan diri antara satu sama lain. Sebaliknya ia telah menyebabkan masyarakat di dunia saling bergantungan dan memerlukan antara satu sama lain untuk meneruskan kehidupan sehari-hari. Keadaan saling bergantungan ini bukan sahaja berlaku dalam bidang ekonomi, malah turut melibatkan aspek-aspek lain seperti sosial dan politik.

Keadaan pergantungan dan hubungan di antara masyarakat menjadi semakin meningkat akibat daripada perkembangan pesat yang berlaku dalam bidang teknologi komunikasi dan infrastruktur global. Ini termasuklah penggunaan kemudahan internet, mel elektronik (e-mel), televisyen satelit, mesin faks, komputer dan sebagainya. Semua kemudahan ini bertindak sebagai “enjin” bagi membolehkan informasi atau maklumat disebarluaskan dengan kadar yang begitu pantas dan meluas.

Perkembangan pesat yang berlaku dalam bidang teknologi komunikasi dan infrastruktur global tersebut telah menyebabkan wujudnya “lebuhraya maklumat” yang merentasi sempadan sesebuah negara tanpa sebarang halangan dan rintangan. Lantaran itu, sempadan negara atau batasan geografi, ekonomi, politik dan kebudayaan menjadi kabur serta dianggap tidak lagi penting dan bermakna. Keadaan sedemikian telah memperlihatkan dunia seolah-